



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

# **PEMBINAAN DAN KEBERKESANAN GARIS PANDUAN BACAAN KONGSI TERHADAP PEMEROLEHAN PERBENDAHARAAN KATA BAHASA INGGERIS KANAK-KANAK 5 TAHUN**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

## **NURUL FARAHANA BINTI MUHAMMAD**

### **UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

### **2022**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**PEMBINAAN DAN KEBERKESANAN GARIS PANDUAN BACAAN KONGSI  
TERHADAP PEMEROLEHAN PERBENDAHARAAN KATA BAHASA  
INGGERIS KANAK-KANAK 5 TAHUN**

**NURUL FARAHANA BINTI MUHAMMAD**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH  
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK)  
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)**

**FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

**2022**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

JEP5/PPG-3/M02 12  
Page 80 of 94



Sila tanda (✓)  
Kertas Projek  
Sarjana Pendidikan  
Sarjana Pendidikan dan Kerja Kursus  
Doktor Falsafah



**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH  
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**

Perakuan ini telah dibuat pada 09 (hari bulan) 05 (bulan) 2012.

#### i. Perakuan pelajar:

Saya, NURUL FARAHINA BINTI MUHAMMAD, M.2017.200.<sup>167</sup>  
NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa  
disertasi/tesis yang bertajuk PEMBINAN DAN KEBERKESANAN GARIS  
PANDUAN BALAIS KONGSI TEKNOLOGI PEMEROLIHAN PERBENDAHARAAN

KATA PENGANTAR KEPADA KANAK-KANAK SIRI  
adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dari apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya.

Tandatangan pelajar

## JL. Perakuan Penyalaja:

Saya, DR. ZAHIRAH BINTI MOHAMED ISKANDAR (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk PEMBINAAN DAN KEBERKESANAN GURU PENDIDAKAN BALIARAN KONGSI TERHADAP PEMEROLEHAN PERBANDINGAN RAYA BERPADA INGENIERIS TANAK - KANAK 5 TAHUN (TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh ijazah SPECIALIST PENDIDAKAN (Pendidikan Moral Kanak-kanak)(SLA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

23/09/2022

Tarkha

  
**ZAINAH MOHAMED ISA**  
BERNAMAD  
Jabatan Perbadanan dan Persekutuan  
Jalan 10/100, 62600 Putrajaya, Malaysia  
Telp: +603 9054 2200 | Fax: +603 9054 2222  
E-mail: [zainah.mohamed@bernamad.gov.my](mailto:zainah.mohamed@bernamad.gov.my)

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /  
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIESBORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK  
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM

Tajuk / Title:

Nama pelajar / Name of student:

Tarikh / Date:

Nombor Bahagian / Faculty No.:

Saya / I:

No. Matrik / Matric's No.: M00123001363

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)\* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-  
*acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-*

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPST.  
*The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris*
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan tujuan dan penyelidikan.  
*Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research*
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajaran Tinggi.  
*The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange*
4. Sila tandakan ( ✓ ) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick ( ✓ ) for category below :



SULIT/CONFIDENTIAL

Mengandung maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rasmi Razmi 1972 / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972



TERHAD/RESTRICTED

Mengandung maklumat tertentu yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.



TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS

ZAINAH MOHAMED ISA  
PENGETAHUAN

(Tandatangan Pengetahuan & Nama Pelajar / Signature & Name of Student)  
& (Tandatangan Pengetahuan & Nama Pendekar & Official Stamp)

Tarikh: 25/09/2012

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini SULIT & TERHAD, ia bolehkan seseorang yang berkuasa mengurusnya dilakukan dengan menyatakan sebaliknya dalam tempat tanda tangan pada diajukan bersama BM IT dan TERHAD.

Note: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED it shall affect with the authority who manages it to remove it and restrict its confidentiality or restrict it.





## PENGHARGAAN

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan syukur Alhamdulillah ke hadrat Allah S.W.T, kerana di atas limpah dan kurniaNya, maka dapatlah saya menyiapkan disertasi ini dengan jayanya walaupun menempuh pelbagai dugaan dan rintangan. Alhamdulillah. Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada Dr. Zainiah binti Mohamed Isa, selaku penyelia saya di atas kesabaran, sokongan, nasihat dan bimbingan yang diberikan banyak membantu kepada kejayaan dalam penghasilan disertasi ini. Segala bantuan, semangat, strategi dan kebijaksanaan beliau telah banyak mengajar saya untuk menjadi seorang penyelidik dan pendidik yang baik. Tidak dilupakan kepada barisan pensyarah dan staf teknikal di Fakulti Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris yang sudi berkongsi pengalaman sepanjang pengajian ini. Segala pengalaman yang dilalui pasti tidak dapat dilupakan. Terima kasih juga kepada pihak tadika yang terlibat kerana telah memberi sokongan penuh dalam kerja lapangan dan memudahkan proses untuk mendapat data. Ribuan terima kasih kepada ibu yang saya hormati, Hajjah Zainab binti Dahalan yang sentiasa memberi kasih sayang, dorongan, doa, peringatan dan panduan hidup yang amat saya perlukan. Ucapan terima kasih kepada adik beradik serta rakan seperjuangan atas kesabaran, sokongan, bantuan, toleransi, cinta dan doa kalian, sehingga disertasi dan pengajian ini dapat disempurnakan dengan jayanya. Sesungguhnya segala pengorbanan yang telah dilakukan amat saya sanjungi dan akan saya ingati sepanjang hayat ini. Akhir kata, ucapan terima kasih juga kepada semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam memberikan sumbangan cadangan dan bantuan dalam menyiapkan disertasi ini. Semoga penyelidikan dan tesis ini dapat dijadikan wadah ilmu yang berguna untuk tatapan generasi akan datang.





## ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk membina dan menilai sebuah Garis Panduan Bacaan Kongsi (BK) terhadap pemerolehan perbendaharaan kata Bahasa Inggeris kanak-kanak lima tahun. Proses pembinaan garis panduan ini adalah berasaskan Model ADDIE dan diterapkan dengan penerapan Teori Pemerolehan Bahasa Kedua, Teori Sosiod budaya dan Teori Respon Pembaca. Kajian ini menggunakan kaedah campuran (*mix-method*) yang melibatkan tiga fasa. Pembinaan Garis Panduan BK melibatkan lima peringkat Model ADDIE iaitu; i) Analisis (*Analysis*), ii) Reka bentuk (*Design*), iii) Pembangunan (*Development*), iv) Pelaksanaan (*Implementation*), v) Penilaian (*Evaluation*). Bagi memperolehi kesahan dan kepercayaan garis panduan, kajian ini melibatkan tiga orang pakar bidang dan 30 orang guru pendidikan awal kanak-kanak. Dapatkan menunjukkan bahawa garis panduan yang dibina mempunyai kesahan yang baik dengan peratusan persetujuannya yang tinggi. Nilai Alpha Croanbach 0.93 juga menunjukkan kebolehpercayaan yang tinggi. Kaedah kuasi-eksperimen dilaksanakan dengan menggunakan ujian pra dan ujian pos ke atas 15 orang kanak-kanak kumpulan eksperimen dan 15 orang kanak-kanak kumpulan kawalan. Hasil kajian menunjukkan hipotesis nul ditolak di mana terdapat perbezaan skor min yang signifikan terhadap ujian perbendaharaan kata Bahasa Inggeris antara kanak-kanak yang mendapat pelaksanaan Garis Panduan BK dengan kanak-kanak yang mendapat pembelajaran BK biasa. Garis Panduan BK ternyata memberi kesan positif dalam meningkatkan pemerolehan perbendaharaan kata Bahasa Inggeris kanak-kanak lima tahun. Kandungan Garis Panduan BK ini dijangka berupaya membantu kemahiran guru pendidikan awal kanak-kanak dalam mengendalikan BK bersama kanak-kanak terutamanya dalam pemerolehan perbendaharaan kata.





## THE DEVELOPMENT AND EFFECTIVENESS OF SHARED READING GUIDELINES IN ENGLISH VOCABULARY ACQUISITION AMONG 5 YEARS OLD CHILDREN

### ABSTRACT

This research purpose is to develop and examine a Guidelines of Shared Reading (Garis Panduan BK) in English vocabulary acquisition among five years old preschool children. The process of this guideline is based on ADDIE Model with the implementation of Second Language Acquisition Theory, Sociocultural Theory, and Reader Response Theory. This research method is mix method which involves three phases. The development of Guidelines of Shared Reading applies all five steps in ADDIE Model which are; i) Analysis, ii) Design, iii) Development, iv) Implementation and v) Evaluation. This study involves 3 experts in early childhood field and 30 early childhood teachers in order to determine the validity and reliability of the guideline. The finding shows that the developed guideline has high percentage of validity followed by high reliability of value of Cronbach Alpha which is 0.93. A quasi-experiment method was conducted by using pre-test and post-test. The children were divided into two groups that include 15 childrens in experiment group and 15 children in control group. The findings reject the null hypothesis which tells there is difference statistical significance of mean score between children assisted by Guidelines of Shared Reading implementation and children assisted by common Shared Reading. The effect of Guidelines of Shared Reading is positively enhance the English vocabulary acquisition among 5 years old childrens. The contents of this Guidelines of Shared Reading are expected to assists and sharpen the early childhood's teacher's skill in Shared Reading practices with children especially in English vocabulary acquisition.







1.8 Kerangka Konseptual Kajian	8
1.9 Kerangka Teori	11
1.10 Kepentingan Kajian	13
1.11 Definisi Operasional	13
1.11.1 Garis Panduan	14
1.11.2 Bacaan Kongsi (BK)	14
1.11.3 Perbendaharaan Kata	15
1.11.4 Kaedah Konvensional	15
1.12 Rumusan	16

## BAB 2 KAJIAN LITERATUR

2.1 Pengenalan	17
2.2 Model ADDIE	21
2.2.1 Pembinaan Garis Panduan	21
2.3 Teori Kajian	23
2.3.1 Teori Pemerolehan Bahasa Kedua	23
2.3.2 Teori Sosiobudaya	25
2.3.3 Teori Respon Pembaca ( <i>Reader Response Theory</i> )	27
2.4 Perkembangan Perbendaharaan Kata	29
2.5 Bacaan Kongsi Bersama Kanak-kanak	32
2.5.1 Prosedur Bacaan Kongsi	34
2.5.2 Penggunaan Buku Cerita Dalam Bilik Darjah	37
2.5.3 Pemilihan Buku Cerita	39





2.5.4	Peranan Guru Dalam Bacaan Kongsi	41
2.5.5	Bacaan Kongsi Dalam Pembelajaran Bahasa Inggeris	43
2.6	Rumusan	44

**BAB 3 METODOLOGI**

3.1	Pengenalan	45
3.2	Kaedah Kajian	45
3.2.1	Reka Bentuk Kuasi-Eksperimen	47
3.3	Instrumen Kajian	49
3.3.1	Soal Selidik	50
3.3.2	Set Ujian Target Perbendaharaan kata ( <i>TVT</i> )	51
3.3.3	Sampel Kajian	52
3.4	Kesahan dan Kebolehpercayaan	52
3.4.1	Soal Selidik	53
3.4.2	Garis Panduan BK	54
3.4.3	Set Ujian Perbendaharaan Kata ( <i>TVT</i> )	55
3.5	Kajian Rintis	55
3.6	Pemilihan Model Reka Bentuk ADDIE	56
3.6.1	Analisis ( <i>Analysis</i> )	57
3.6.2	Reka bentuk ( <i>Design</i> )	58
3.6.3	Pembangunan ( <i>Development</i> )	59
3.6.3.1	Garis Panduan Bacan Kongsi	60
3.6.4	Pelaksanaan ( <i>Implementation</i> )	62





3.6.5 Penilaian ( <i>Evaluation</i> )	64
3.7 Prosedur Analisis Data	64
3.8 Rumusan	67

**BAB 4 DAPATAN KAJIAN**

4.1 Pengenalan	68
4.2 Statistik Demografik Responden	68
4.3 Analisis Terhadap Persoalan Kajian	69
4.3.1 Apakah strategi BK yang diperlukan oleh guru pendidikan awal kanak-kanak?	69
4.3.2 Apakah kerangka konsep yang sesuai digunakan dalam mereka bentuk Garis Panduan BK?	70
4.3.3 Apakah kandungan yang sesuai untuk digunakan dalam garis panduan BK bagi meningkatkan pemerolehan perbendaharaan kata Bahasa Inggeris kanak-kanak tadika lima tahun?	73
4.3.4 Apakah pelaksanaan yang sesuai untuk menjalankan Garis Panduan BK dalam meningkatkan pemerolehan perbendaharaan kata Bahasa Inggeris kanak-kanak tadika lima tahun?	77
4.3.5 Adakah Garis Panduan BK berkesan dalam meningkatkan pemerolehan perbendaharaan kata Bahasa Inggeris kanak-kanak lima tahun?	82
4.4 Rumusan	83

**BAB 5 PERBINCANGAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN**

5.1 Pengenalan	84
5.2 Apakah strategi BK yang diperlukan oleh guru pendidikan awal kanak-kanak?	84
5.3 Apakah kerangka konsep yang sesuai digunakan dalam mereka bentuk Garis Panduan BK?	85





5.4 Apakah kandungan yang sesuai untuk digunakan dalam garis panduan BK bagi meningkatkan perbendaharaan kata Bahasa Inggeris kanak-kanak tadika lima tahun?	87
5.5 Apakah pelaksanaan yang sesuai untuk menjalankan Garis Panduan BK dalam meningkatkan perbendaharaan kata Bahasa Inggeris kanak-kanak tadika lima tahun?	89
5.6 Adakah Garis Panduan BK berkesan dalam meningkatkan pemerolehan perbendaharaan kata Bahasa Inggeris kanak-kanak lima tahun?	91
5.7 Implikasi dan Cadangan	92
5.8 Rumusan	95
<b>RUJUKAN</b>	96
<b>LAMPIRAN</b>	108





## SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat
2.1 Ringkasan Model Instruksi ADDIE, ASSURE dan Kemp	20
3.1 Nilai Skala Likert dan Indikator	50
3.2 Alpha Croanbach Soal Selidik	54
3.3 Kesahan Kandungan Soal Selidik	54
3.4 Alpha Croanbach Garis Panduan BK	54
3.5 Kesahan Kandungan Garis Panduan BK	55
3.6 Alpha Croanbach Set TTV	55
3.7 Kesahan Kandungan Set TTV	55
3.8 Interpretasi skor purata min	65
3.9 Ringkasan Analisis Data	65
4.1 Statistik Demografik Responden	69
4.2 Skor min keperluan strategi guru pendidikan awal kanak-kanak	70
4.3 Kandungan Garis Panduan BK Terhadap Pemerolehan Perbendaharaan Kata Bahasa Inggeris Kanak-Kanak 5 Tahun	76
4.4 Pelaksanaan Garis Panduan BK Terhadap Pemerolehan Perbendaharaan Kata Bahasa Inggeris Kanak-Kanak 5 Tahun	80





4.5 Ujian-t Perbezaan Min Perbezaan Skor Min terhadap Ujian Perbendaharaan Kata Bahasa Inggeris antara Kumpulan Eksperimen dan Kumpulan Kawalan

83





## SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
1.1 Kerangka Konseptual Kajian	10
1.2 Kerangka Teori Kajian	12
3.1 Kaedah Kajian Menggunakan Kaedah Campuran ( <i>Mix-Method</i> )	46
3.2 Reka bentuk Ujian Pra-pos bagi Kumpulan Eksperimen dan Kumpulan Kawalan	49
3.3 Ringkasan Kajian Pembinaan Garis Panduan BK	66
4.1 Kerangka Konsep dalam Mereka Bentuk Garis Panduan BK	72





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

XV

## SENARAI SINGKATAN

BK      Bacaan Kongsi

ESL      Pelajar Bahasa Inggeris Kedua

PdP      Pengajaran dan Pembelajaran

TVT      Set Ujian Perbendaharaan Kata (*Target Vocabulary Test*)



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



## SENARAI LAMPIRAN

- A1 Soal Selidik
- A2 Soal Selidik Kesahan Kandungan Pakar
- B1 Garis Panduan BK
- B2 Garis Panduan BK Kesahan Kandungan Pakar
- C1 Contoh TTVT
- C2 TTVT Kesahan Kandungan Pakar





## BAB 1

### PENGENALAN

#### 1.1 Pendahuluan

Literasi merupakan salah satu komponen yang diperlukan bagi memenuhi standard pendidikan dan jangkaan terkini. Ia adalah penentu terbesar terhadap kestabilan ekonomi di mana masa depan negara bergantung pada tahap literasi yang diperoleh oleh kanak-kanak (Liu & Channell, 2015). Kemahiran literasi di tadika adalah penting kerana ia berkaitan dengan pencapaian membaca di kemudian hari pada sekolah rendah dan sekolah menengah (Gronlund, Ake & Genlott, Agelli, 2013).

Di Malaysia, Bahasa Melayu digunakan sebagai bahasa rasmi manakala Bahasa Inggeris adalah bahasa kedua bagi kebanyakan individu. Oleh disebabkan itu, tadika di Malaysia merupakan salah satu tempat yang mempunyai senario di mana majoriti kanak-kanak tidak menggunakan Bahasa Inggeris sebagai bahasa rasmi lalu memberi cabaran terhadap warga pendidik untuk menyokong kanak-kanak dengan kemampuan bahasa Inggeris yang terhad (Phoon Hooi San & Anna Christina, 2014). Hal ini kerana, kanak-kanak tidak menguasai perbendaharaan kata Bahasa Inggeris



dengan meluas lalu menyukarkan proses pembelajaran Bahasa Inggeris untuk berjalan dengan lancar (Blocker, 2017).

Penguasaan dalam perbendaharaan kata merupakan salah satu komponen penting dalam memperolehi bahasa asing atau bahasa kedua. Ia perlu dipelajari supaya arahan terhadap empat kebolehan penting iaitu membaca, mendengar, menulis dan bertutur dapat diberikan dengan mudah (Nasser & Maki, 2015). Perbendaharaan kata juga memainkan peranan penting dalam perkembangan pengetahuan dan pemahaman membaca di mana pengetahuan perbendaharaan kata kanak-kanak bukan sahaja berkaitan dengan gred pemahaman sekolah rendah, bahkan juga kelancaran dan pemahaman pada sekolah menengah (Duff, Dawna & Tomblin, J. & Catts, Hugh, 2015). Di samping itu, pengetahuan perbendaharaan kata juga bertindak sebagai prasyarat untuk menghasilkan komunikasi yang berjaya (Rodrigo, 2016). Terdapat beberapa usaha yang memberi tumpuan terhadap cara-cara mudah yang berfokuskan kepada perkembangan perbendaharaan kata awal kanak-kanak seperti kajian yang berfokuskan mengenai bagaimana kanak-kanak mempelajari perkataan baharu dan pendekatan dalam meningkatkan kemahiran perbendaharaan kata (Neumann & Dwyer 2009).

Perbendaharaan kata yang luas dapat dikuasai oleh kanak-kanak dengan pelbagai kaedah. Antaranya adalah bercerita atau membaca buku bersama-sama merupakan sumber yang kaya dalam menyediakan kanak-kanak dengan input linguistik di mana bercerita atau membaca bersama-sama telah dibuktikan dapat membina perbendaharaan kata kanak-kanak (Farrant & Zubrik, 2012). Di samping itu, soalan terbuka dan soalan tertutup yang ditanyakan oleh pendidik kepada kanak-kanak ternyata sangat memberi kesan terhadap perbendaharaan kata kanak-kanak terutamanya kepada kanak-kanak yang mempunyai kemahiran perbendaharaan kata yang rendah (Wasik & Hindman, 2013).



## 1.2 Latar Belakang Kajian

Sejak tahun 2010, Kurikulum Standard Prasekolah (KSPK) telah menjalani beberapa perubahan berdasarkan prinsip amalan bersesuaian dengan perkembangan kanak-kanak dan teori pembelajaran kanak-kanak. KSPK yang dilaksanakan pada tahun 2010 telah disemak semula bagi memastikan kualiti kurikulum yang dijalankan di prasekolah setanding dengan standard antarabangsa (KSPK Semakan, 2017). Strategi pengajaran dan pembelajaran (PdP) dalam KSPK Semakan (2017) adalah berpusatkan murid, bersepadu, menyeronokkan dan menekankan perkembangan kemahiran berfikir dan kemahiran insaniah. KSPK Semakan (2017) juga menekankan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) di mana guru perlu menterjemah Standard Pembelajaran dalam Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) di dalam bilik darjah dengan memberi penekanan kepada KBAT. Transformasi kurikulum dilaksanakan untuk menambah baik program pembelajaran bagi keberhasilan murid iaitu pengetahuan, kemahiran berfikir, kemahiran memimpin, kemahiran dwibahasa, etika dan kerohanian serta identiti nasional.

Dari aspek bahasa, keperluan kanak-kanak dalam mempelajari Bahasa Inggeris dari usia muda adalah sangat penting terutamanya dalam dunia globalisasi yang berkembang pesat ini (Masoud & Masoud, 2011). Di Malaysia, pekeliling ikhtisas bil 9 tahun 2010 menyatakan bahawa Bahasa Inggeris perlu digunakan sebagai bahasa pengantar iaitu sebanyak 10 jam (600 minit) sekurang-kurangnya selama satu minggu di kelas prasekolah yang menggunakan Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar. Manakala, sebanyak 6 jam (360 minit) diperlukan sekurang-kurangnya bagi kelas prasekolah yang tidak menggunakan Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar. Oleh yang demikian, dasar pendidikan dan kurikulum negara telah menetapkan sebanyak 50% PdP dalam Bahasa Inggeris di prasekolah kebangsaan





mulai tahun 2010 (KSPK, 2010). Hal ini menunjukkan bahawa Bahasa Inggeris mempunyai kepentingan yang sama seperti Bahasa Malaysia untuk dipraktikkan oleh kanak-kanak di luar bilik darjah.

Antara objektif dalam tunjang komunikasi Bahasa Inggeris adalah membolehkan kanak-kanak untuk mendengar dan memberi respon menggunakan bahasa lisan dan bukan lisan (KSPK Semakan, 2017). Dalam mempelajari bahasa, kaedah pengajaran perlu mempunyai unsur yang berkaitan dengan budaya persekitaran kanak-kanak sehari-hari supaya mereka diberi peluang untuk menghubungkan kandungan dan bahasa baharu ke dalam pengalaman mereka sendiri (Masoud, 2011). Bacaan kongsi (BK) merupakan salah satu kaedah pengajaran bagi membantu kanak-kanak mempelajari bahasa terutamanya dalam pemerolehan perbendaharaan kata di mana mereka akan memberi penglibatan secara aktif dalam literasi (Heritage Learning Centre, 2017).



Di samping itu, BK sentiasa menyediakan guru untuk bertindak sebagai penyokong dalam membimbing kanak-kanak membaca dengan memberikan soalan terbuka dan meningkatkan komunikasi kanak-kanak untuk berinteraksi melalui penggunaan buku yang diceritakan (Paige Bessick, 2017). Strategi BK ini memudahkan proses membaca di mana kanak-kanak mudah untuk memperolehi perbendaharaan kata baharu (Gusneli, Muhammad, Asvio & Hafulyon, 2016). BK adalah strategi yang boleh menyokong pengajaran membaca yang merangkumi daripada enam elemen iaitu bahasa lisan, pengalaman awal terhadap cetakan, kesedaran fonologi, fonik, perbendaharaan kata, pemahaman dan kelancaran (Konza, 2016).





### 1.3 Pernyataan Masalah

Membaca buku cerita kepada kanak-kanak merupakan kaedah yang berkesan dalam mempelajari dan mengembangkan perbendaraan kata (Ting Lyu, 2016). Namun begitu, penggunaan strategi membaca buku cerita dengan cara yang betul diperlukan bagi membantu kanak-kanak memahami teks dan mengembangkan perbendaharaan kata Bahasa Inggeris mereka (Gillanders & Castro, 2011). Antara strategi membacakan buku cerita adalah melalui BK di mana BK merupakan kaedah yang berkesan dalam menggalakkan kecekapan bahasa lisan kanak-kanak, akan tetapi kaedah BK ini kurang meraih perhatian dalam menyokong pembelajaran perbendaharaan kata kanak-kanak prasekolah (Walsh, Sanchez & Burnham, 2015).

Pengendalian BK oleh setiap guru semestinya mempengaruhi hasil

pembelajaran yang dihasilkan seterusnya memberi kesan terhadap input yang diterima oleh kanak-kanak (Kindle, 2011). Tambahan lagi, kebanyakan guru mempunyai tahap kepakaran yang berbeza dalam mengendalikan BK (Milburn et al., 2014; Pollard-Durodola et al., 2012). Pengedalian BK sememangnya tidak mempunyai seorang pembangun yang bertanggungjawab dalam menyediakan maklumat atau menyediakan bahan yang berkaitan di mana pendidik yang berminat dengan BK hanya boleh mencari maklumat BK melalui rujukan yang disediakan pada carian internet sahaja (WWC, 2015). Di samping itu, situasi di Malaysia adalah berbeza kerana Bahasa Inggeris diklasifikasikan sebagai bahasa kedua seterusnya menyukarkan pembangun kurikulum untuk menentukan amalan kaedah membaca yang manakah sesuai untuk digunakan di Malaysia (Rabindra, 2016).

Selain itu, pengetahuan perbendaharaan kata yang terhad meletakkan sebilangan besar kanak-kanak yang memasuki sekolah pada risiko besar dalam kesukaran membaca seterusnya (Tamara Andrea, 2015). Meskipun kanak-kanak





diajar penggunaan Bahasa Inggeris di tadika, kanak-kanak masih menghadapi masalah dalam mengingati dan menyebut perkataan-perkataan yang telah dipelajari dalam slot pengajaran Bahasa Inggeris yang lepas (Albert, 2012). Kebanyakan kanak-kanak sukar berkomunikasi dan memahami arahan yang diberikan dalam Bahasa Inggeris, seterusnya membawa kepada ketidakupayaan mereka dalam melibatkan diri secara aktif khususnya semasa sesi pengajaran dalam Bahasa Inggeris dijalankan (Nur Nazuha, Beevi & Aziz, 2017). Antara faktor yang menyumbang terhadap kelemahan berbahasa Inggeris dalam kalangan kanak-kanak adalah pengurusan pengajaran yang tidak menarik serta melibatkan latihan di dalam kelas di mana sebaliknya kanak-kanak lebih berminat dengan pendedahan yang kreatif dalam mempelajari bahasa (Winskel, Zhou, Li, Mei, Peart & Booth, 2015). Pengurusan pengajaran juga lemah di mana pendidik Bahasa Inggeris tidak mencapai jangkaan kualiti yang diinginkan (Mosha, 2014). Justeru, mutu pembelajaran perlu dinaik taraf untuk meningkatkan penguasaan Bahasa Inggeris pelajar (Sabiha & Asshrafuzzaman, 2016).



Secara rumusannya, kaedah BK telah dipilih dalam meningkatkan pemerolehan perbendaharaan kata untuk kanak-kanak berumur lima tahun. Kajian yang menggunakan kaedah campur (*mix-method*) telah dipilih memandangkan pengkaji ingin melihat kebolehgunaan garis panduan BK terhadap dua kumpulan kanak-kanak iaitu kumpulan eksperimen kanak-kanak yang menggunakan kaedah BK bersama garis panduan BK yang disediakan kepada guru dan kumpulan kawalan kanak-kanak yang menggunakan kaedah BK kovensional.





#### 1.4 Objektif Kajian

Berdasarkan tujuan di atas, maka objektif kajian ini adalah seperti berikut:

- i. Mengenalpasti keperluan strategi BK dalam kalangan guru pendidikan awal kanak-kanak.
- ii. Mereka bentuk kerangka konsep Garis Panduan BK bagi meningkatkan perbendaharaan kata Bahasa Inggeris kanak-kanak tadika lima tahun.
- iii. Membina kandungan strategi Garis Panduan BK bagi meningkatkan perbendaharaan kata Bahasa Inggeris kanak-kanak tadika lima tahun.
- iv. Melaksanakan Garis Panduan BK dalam meningkatkan perbendaharaan kata Bahasa Inggeris kanak-kanak tadika lima tahun.
- v. Mengenalpasti keberkesanan Garis Panduan BK dalam meningkatkan perbendaharaan kata Bahasa Inggeris kanak-kanak tadika lima tahun.



#### 1.5 Persoalan Kajian

Berdasarkan objektif kajian di atas, maka lima persoalan kajian berikut dibentuk iaitu:

- vi. Apakah strategi BK yang diperlukan oleh guru pendidikan awal kanak-kanak?
- vii. Apakah kerangka konsep yang sesuai digunakan dalam Garis Panduan BK?
- viii. Apakah kandungan yang sesuai untuk digunakan dalam garis panduan BK bagi meningkatkan perbendaharaan kata Bahasa Inggeris kanak-kanak tadika lima tahun?
- ix. Apakah pelaksanaan yang sesuai untuk menjalankan Garis Panduan BK dalam meningkatkan perbendaharaan kata Bahasa Inggeris kanak-kanak tadika lima tahun?



- x. Adakah Garis Panduan BK berkesan dalam meningkatkan pemerolehan perbendaharaan kata Bahasa Inggeris kanak-kanak lima tahun?

### 1.6 Hipotesis Kajian

Berdasarkan tujuan dan objektif kajian di atas, maka hipotesis kajian ini adalah seperti di bawah.

Ho 1: Tidak terdapat perbezaan skor min terhadap ujian perbendaharaan kata Bahasa Inggeris antara kanak-kanak yang mendapat pelaksanaan Garis Panduan BK dengan kanak-kanak yang mendapat pembelajaran BK biasa.

### 1.7 Tujuan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk melihat keberkesanan Garis Panduan BK terhadap pemerolehan perbendaharaan kata Bahasa Inggeris kanak-kanak lima tahun.


### 1.8 Kerangka Konseptual Kajian

Rajah 1.1 menunjukkan kerangka konsep kajian yang direka dan disusun mengikut langkah yang diperkenalkan dalam model ADDIE. Terdapat lima langkah yang diperkenalkan dalam membina garis panduan BK terhadap pemerolehan perbendaharaan kata Bahasa Inggeris kanak-kanak. Antara lima langkah tersebut adalah Analisis (*Analysis*), Reka bentuk (*Design*), Pembangunan (*Development*), Pelaksanaan (*Implementation*) dan Penilaian (*Evaluation*).

Dalam fasa Analisis, pengkaji menjalankan analisis keperluan terhadap guru pendidikan awal kanak-kanak bagi mengenalpasti keperluan strategi BK yang diperlukan oleh setiap guru. Seterusnya, pada fasa reka bentuk, pengkaji membina objektif berdasarkan analisis keperluan yang telah dikenalpasti pada fasa analisis sebelumnya. Pengkaji juga memperkenalkan teori yang digunakan bagi mendasari setiap strategi yang bakal dibangunkan dalam proses pembinaan garis panduan BK. Antara teori yang digunakan adalah Teori Pemerolehan Bahasa kedua, Teori Sosiobudaya dan Teori Respon Pembaca.

Seterusnya, fasa pembangunan adalah di mana pengkaji membina garis panduan BK dengan memperkenalkan strategi yang sesuai untuk digunakan oleh guru terhadap pemerolehan perbendaharaan kata Bahasa Inggeris kanak-kanak. Pengkaji memperkenalkan empat strategi dan dua aktiviti tambahan bagi meningkatkan pemerolehan perbendaharaan kata Bahasa Inggeris kanak-kanak. Antaranya adalah strategi penglibatan, strategi permodelan, strategi pengimbasan dan strategi lanjutan. Aktiviti tambahan yang diperkenalkan pada strategi pengimbasan adalah ulangan membaca buku manakala aktiviti lakonan cerita dan kad bergambar diperkenalkan pada strategi lanjutan.

Fasa keempat adalah fasa pelaksanaan. Pada fasa ini, pengkaji melaksanakan garis panduan BK terhadap perbendaharaan kata Bahasa Inggeris kanak-kanak lima tahun. Pengkaji menggunakan *big book* sebagai bantu bantu mengajar sepanjang proses BK dijalankan. Akhir sekali, fasa penilaian adalah di mana pengkaji menguji keberkesanan garis panduan BK yang telah dilaksanakan terhadap kanak-kanak lima tahun. Perbandingan antara ujian pra dan ujian pos dijalankan bagi mengenalpasti tahap pemerolehan perbendaharaan kata Bahasa Inggeris kanak-kanak lima tahun.



Rajah 1.1. Kerangka Konseptual Kajian

## 1.9 Kerangka Teori

Rajah 1.2 menunjukkan kerangka teori yang direka bagi mengilustrasikan teori dan pembolehubah yang digunakan dalam kajian ini. Terdapat tiga langkah yang perlu diambil kira bagi memastikan perbendaharaan kata yang diperolehi dapat diadaptasikan ke dalam situasi sebenar atau kehidupan seharian.

Pada sesi BK, teori sosiobudaya iaitu interaksi sosial oleh Vygotsky diaplikasikan bagi memastikan interaksi yang berlaku bersama kanak-kanak sentiasa berjalan. Antara interaksi sosial yang boleh dilihat adalah dari segi soalan terbuka dan ramalan cerita. Perbendaharaan kata baharu yang diperkenalkan melalui BK juga melibatkan interaksi di antara guru dan kanak-kanak di mana guru mengaitkan dengan pengalaman seharian kanak-kanak.

Pada sesi mengulangi bacaan buku adalah di mana kanak-kanak perlu membiasakan diri mereka dengan cerita dan perbendaharaan kata baharu yang diperkenalkan. Lakonan cerita dan teka kad bergambar ini mengaplikasikan teori respon pembaca di mana kanak-kanak memberi respon dengan melakonkan cerita semula sambil membaca bersama guru menggunakan *big book*. Melalui respon lakonan cerita, tindak balas kanak-kanak dapat dilihat bagaimana mereka membina makna melalui teks yang dibaca terutamanya apabila perbendaharaan kata baharu diperkenalkan. Teka kad bergambar juga menggunakan proses yang sama di mana respon kanak-kanak dilihat dari segi bagaimana mereka meluahkan makna mereka menggunakan imaginasi tersendiri.

Teori pemerolehan bahasa kedua oleh Krashen adalah di mana pemerolehan bahasa kedua berlaku dan ia diaplikasikan sepanjang proses BK dijalankan. Hal ini kerana proses BK dijalankan dengan menggunakan medium Bahasa Inggeris. Bahasa

Melayu juga digunakan dalam interaksi bersama kanak-kanak jika kanak-kanak sukar untuk memahami dan ia digunakan bagi memudahkan kanak-kanak lebih memahami arahan dan makna. Maka, pemerolehan bahasa kedua berlaku secara berterusan sepanjang aktiviti BK.

Akhir sekali adalah adaptasi ke dalam situasi sebenar atau kehidupan seharian di mana matlamat terakhirnya adalah untuk membolehkan kanak-kanak menggunakan perbendaharaan kata Bahasa Inggeris yang diperolehi dalam konteks sebenar. Maka, tugas kanak-kanak adalah untuk mengaplikasikan perbendaharaan kata yang diperolehi dalam kehidupan seharian. Guru dan ibu bapa boleh membimbing dengan menggalakkan mereka untuk menggunakan perbendaharaan kata Bahasa Inggeris dengan lebih kerap dalam rutin harian bersama kanak-kanak.

Kesimpulannya, pemerolehan perbendaharaan kata yang berjaya adalah di mana apabila kanak-kanak sudah boleh mengaplikasikannya dalam konteks sebenar.

Dalam kajian ini, pemerolehan perbendaharaan kata Bahasa Inggeris merupakan objektif yang ingin dicapai di akhir BK di mana perbendaharaan kata Bahasa Inggeris adalah matlamat utama yang diberi perhatian berbanding dengan komponen yang lain.



Rajah 1.2. Kerangka Teori Kajian



## 1.10 Kepentingan Kajian

Kajian ini penting dalam menyumbang kepada literatur pengajaran guru dalam mengaplikasikan kaedah BK dalam pembelajaran perbendaharaan kata Bahasa Inggeris kanak-kanak. Tambahan lagi, dapatan kajian juga akan menjadi garis panduan kepada guru untuk mengenal pasti teknik atau kaedah yang berkesan untuk digunakan dalam mengajar kanak-kanak untuk menguasai perbendaharaan kata Bahasa Inggeris dengan lebih baik. Dapatan kajian ini juga membantu guru untuk menilai dan memahami bahawa terdapat perbezaan dan kelainan pada setiap diri kanak-kanak yang memerlukan kaedah yang berbeza untuk mengajar mereka.

Selain itu, kajian ini juga diharapkan dapat membantu memberi kesedaran kepada ibu bapa bahawa pemupukan BK di rumah bersama anak-anak adalah sangat berkesan terutamanya dari segi perbendaharaan kata dan bahasa. Walaupun teknologi pada masa kini semakin canggih berikut dengan telefon pintar yang mempunyai pelbagai aplikasi yang boleh diakses di hujung jari, kaedah BK yang menggunakan *big book* beserta ilustrasi ini sebenarnya mempunyai pelbagai manfaat yang boleh dipupuk pada seawal usia kanak-kanak.

## 1.11 Definisi Operasional

Berikut merupakan definisi operasional yang digunakan dalam kajian ini:





### 1.11.1 Garis Panduan

Garis panduan adalah satu bentuk kenyataan nasihat atau arahan yang dapat digunakan menjadi sebuah amalan di mana ia dibina melalui maklum balas yang diminta oleh sesuatu permintaan atau keperluan yang diperlukan untuk nasihat tersebut (American Academy of Pediatrics, 2011).

Dalam kajian ini, garis panduan bermaksud keperluan BK beserta contoh yang diberikan dalam satu bentuk panduan (buku kecil) bagi membimbing guru pendidikan awal kanak-kanak untuk meningkatkan pemerolehan perbendaharaan kata Bahasa Inggeris kanak-kanak.



BK adalah proses secara sistematik dan membaca teks secara jelas kepada kanak-kanak serta melibatkan kanak-kanak dalam perbincangan interaktif mengenai teks tersebut melalui arahan yang diberikan dengan jelas (Cunningham & O'Donnell, 2012).

Dalam kajian ini, BK membawa makna sebagai proses bercerita yang diceritakan oleh guru kepada kanak-kanak dalam kumpulan melalui penggunaan *big book* bersama kanak-kanak.





### 1.11.3 Perbendaharaan Kata

Khamesipour (2015) menyatakan perbendaharaan kata membawa maksud pengetahuan terhadap perkataan dan makna perkataan di mana kita perlu tahu menggunakan perkataan tersebut dengan berkomunikasi secara efektif melalui mendengar, bertutur, membaca dan menulis.

Dalam kajian ini, perbendaharaan kata membawa maksud perkataan yang yang dipilih daripada buku cerita (*target words*) yang terdiri daripada *tier 1* dan *tier 2* seperti *hole* dan *sunny*.

### 1.11.4 Kaedah Konvensional



Menurut Yap Wei Li (2014), kaedah konvensional atau tradisional adalah merujuk kepada kaedah pengajaran yang melibatkan pengajar dan murid berinteraksi secara muka ke muka di dalam bilik darjah yang berfokuskan kandungan di dalam buku teks dan nota.

Dalam kajian ini, kaedah konvensional adalah di mana guru menggunakan *big book* yang sama seperti kaedah eksperimen sebagai bahan bantu mengajar dan melaksanakan BK dengan cara guru tersebut biasa gunakan.





## 1.12 Rumusan

Aktiviti BK sememangnya sangat menarik untuk dilaksanakan bersama kanak-kanak terutamanya apabila dijalankan dengan menggunakan strategi yang betul. Pelaksanaan strategi yang betul melalui BK mampu merangsang pemikiran kanak-kanak untuk berfikir dengan lebih kritis. Justeru, pengkaji membina garis panduan BK dalam kajian ini bagi membantu guru untuk dijadikan sebagai panduan dalam pemerolehan perbendaharaan kata bahasa Inggeris kanak-kanak berumur lima tahun. Bab ini telah membincangkan mengenai latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, hipotesis kajian, tujuan kajian, kerangka koneptual kajian, kerangka teori, kepentingan kajian, dan definisi operasional.

